

14 APR 1999

Mahkamah-Anwar (Peristiwa)

RENTETAN PERISTIWA BERHUBUNG PERBICARAAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Berikut ialah rentetan peristiwa berhubung perbicaraan rasuah Datuk Seri Anwar Ibrahim yang berakhir hari ini.

Anwar, 51, dipecat daripada jawatan timbalan perdana menteri dan menteri kewangan pada 2 Sept 1998.

3 Sept: Beliau disingkirkan daripada Umno oleh Majlis Tertinggi selepas enggan meletakkan jawatan sebagai timbalan presiden.

Polis memfailkan affidavit mendakwa Anwar melakukan kesalahan seksual dan terlibat dalam kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara di Mahkamah Tinggi dalam kes Datuk S.Nallakaruppan, rakan tenis Anwar, yang dituduh memiliki 125 butir peluru tanpa permit.

11 Sept: Anwar memulakan beberapa siri perhimpunan di seluruh negara, menggesa diadakan reformasi dan mempertahankan dirinya.

19 Sept: Adik angkat Anwar, Sukma Sasmitaat Madja dan bekas penulis ucapan beliau, Dr Munawar Anees Ahmad masing-masing dijatuhi hukuman enam bulan penjara selepas mereka mengaku bersalah membenarkan Anwar meliwat mereka.

20 Sept: Anwar mengetuai perarakan di Dataran Merdeka sebelum beliau ditahan di kediamannya di Bukit Damansara.

21 Sept: Beribu-ribu penunjuk perasaan mengerumuni bangunan mahkamah di Jalan Raja kerana menjangkakan Anwar akan dihadapkan ke mahkamah tetapi polis menyuraikan mereka dengan gas pemedih mata dan pancutan air.

29 Sept: Anwar dikemukakan di mahkamah buat pertama kali selepas beliau ditahan dengan sebelah matanya lebam dan mengaku tidak bersalah terhadap lima tuduhan rasuah dan empat tuduhan liwat.

Anwar memberitahu hakim Mahkamah Sesyen bahawa polis telah memukulnya hingga tidak sedarkan diri dan tidak memberikannya rawatan perubatan.

30 Sept: Anwar mengaku tidak bersalah terhadap satu lagi tuduhan liwat di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya.

5 Okt: Anwar tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memakai penyokong leher. Permohonan ikat jamin ditolak dan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S. Augustine Paul menetapkan 2 Nov untuk membicarakan empat tuduhan rasuah.

14 Okt: Anwar dipindahkan ke penjara Sungai Buloh selepas tidak lagi ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri. Beliau sebelum itu ditahan di lokap di ibu pejabat polis Bukit Aman.

2 Nov: Perbicaraan bermula di Mahkamah Tinggi. Paul menolak ikat jamin dan permohonan Anwar supaya tuduhan-tuduhan terhadapnya digugurkan atas alasan teknikal. Hakim juga menolak permintaan kumpulan hak asasi asing dan pakar-pakar perundangan untuk mendapatkan status pemerhati khas di dalam mahkamah.

3-6 Nov: Saksi pertama, Datuk Mohd Said Awang, pengarah Cawangan Khas yang akan bersara, mula memberikan keterangan. Beliau berkata dakwaan salah laku seks terhadap Anwar mula timbul pada 1992 dan polis melancarkan operasi yang dinamakan "Solid Grip" untuk menyiasat dakwaan-dakwaan itu.

Mohd Said berkata Anwar mendesak polis pada Ogos 1997 untuk memaksa seorang lelaki dan wanita menarik balik dakwaan salah laku seks. Beliau juga menceritakan mengenai teknik rahsia polis untuk memaksa saksi-saksi menukar pendirian mereka.

Peguam bela meminta laporan polis yang mereka katakan mendedahkan konspirasi politik untuk menjatuhkan Anwar tetapi semasa pendakwaan menyerahkannya, laporan itu tidak mengandungi nama-nama personaliti seperti

yang didakwa.

9-13 Nov: Mohd Said berkata Ummi Hafilda Ali, wanita yang telah mendakwa Anwar melakukan liwat dan kemudian menarik balik dakwaan itu, telah berkata dalam satu pucuk surat pada 1997 bahawa Daim Zainuddin, orang kepercayaan Mahathir, telah menasihatkan beliau supaya menulis satu laporan mengenai dakwaan itu.

Pegawai itu berkata polis menggunakan teknik "turning over" mengubah pendirian Ummi dan bekas pemandu isteri Anwar, Azizan Abu Bakar, untuk membuatkan mereka menarik balik dakwaan mereka.

Paul memberitahu peguam bela supaya mengelak daripada cuba membuktikan Anwar adalah mangsa dalam tuduhan yang direka dan memberi tumpuan kepada dakwaan rasuah.

24-27 Nov: Pegawai kanan cawangan khas itu berkata siasatan terhadap Anwar bermula selepas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob menyerahkan kepada polis surat Ummi yang mendakwa Anwar melakukan kesalahan seks.

Beliau berkata Anwar mengarahkan polis meng"gempar" Ummi dan Azizan, supaya mereka menarik balik dakwaan mereka.

Anwar memfailkan affidavit mendakwa pihak pendakwaan cuba menuduh rakannya Nallakaruppan Solaimalai memilik peluru tanpa permit dalam satu kes lain untuk mengaitkannya dengan dakwaan salah laku seks terhadap Anwar.

30 Nov: Seorang daripada peguam belanya Zainur Zakaria dihukum tiga bulan penjara kerana menghina mahkamah berikutan affidavit Anwar itu yang menyokong permohonannya untuk menggugurkan kelayakan dua pendakwa raya kanan yang mengendalikan kes itu.

30 Nov-4 Dis: Azizan mempertahankan dakwaan yang dibuatnya pada 1997 menuduh Anwar meliwat beliau dengan berkata Anwar telah menjadikannya hamba seksual pada 1992.

Mahkamah Rayuan menangguhkan hukuman penjara tiga bulan Zainur sementara menunggu rayuan dan lebih daripada 200 peguam mengadakan protes di luar bangunan mahkamah, menyokong Zainur. Azizan menafikan beliau menuduh Anwar meliwatnya kerana mendapat ganjaran wang.

7-11 Dis: Azizan dilihat memberikan keterangan yang bercanggah mengenai Anwar yang melakukan liwat. Kemudian Azizan berkata beliau telah diliwat Anwar dan Sukma. Hakim Paul menolak permintaan peguam Anwar supaya keterangan Azizan diketepikan.

14-18 Dis: Pendakwaan mengemukakan tilam yang dipercayai dicemari dengan air mani sebagai bukti, yang diambil dari sebuah apartmen, tempat Anwar didakwa melakukan kegiatan seks oleh pengarang buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

21-24 Dis: Ummi menafikan cadangan peguam Anwar bahawa beliau mahu membalas dendam setelah kecewa perasaannya tidak dilayani Anwar. Paul menghalang penerbitan perbualan dari pita rakaman antara Ummi dengan seorang ahli perniagaan yang dikatakan peguam bela, boleh membuktikan adanya konspirasi menjatuhkan Anwar.

28-31 Dis: Peguam Anwar menyatakan bahawa tilam yang dikemukakan sebagai bukti mungkin telah dicemari dengan air mani yang diambil daripada tubuh Anwar semasa beliau tidak sedarkan diri.

4-8 Jan 1999: Pegawai polis berkata Anwar tidak mempunyai virus HIV berdasarkan hasil satu ujian darah. Hakim membuat keputusan tidak boleh diterima pita rakaman satu perbualan yang peguam bela dakwa membuktikan adanya konspirasi terhadap Anwar.

5 Jan: Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah mengesahkan bahawa Anwar telah dipukul polis semasa dalam tahanan.

11-13 Jan: Hakim menerima pindaan yang dibuat pendakwaan terhadap empat tuduhan rasuah dan memerintahkan bahawa keterangan berhubung salah laku seks dan liwat kini tidak berkaitan.

26-30 Jan: Peguam bela berkata Anwar tidak melanggar undang-undang dengan meminta mereka yang menuduh beliau, menarik balik dakwaan mereka, dan mengatakan dua pegawai polis perlu didakwa. Pendakwaan berkata Anwar menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan dirinya.

Hakim membuat keputusan bahawa Anwar mempunyai kes untuk membela diri terhadap empat tuduhan rasuah itu.

8-12 Feb: Anwar memberikan keterangan sebagai saksi pertama pembela dengan berkata beliau merupakan mangsa konspirasi politik dan konspirasi polis. Hakim mengetepikan hujah pembela bahawa Anwar merupakan mangsa konspirasi politik. Mohtar buat pertama kali mengetuai pasukan pendakwaan.

Anwar berkata beliau tidak mengarahkan polis supaya menyembunyikan dakwaan salah laku seks terhadapnya dan beliau beberapa kali bertengkar dengan pendakwaan serta bertegas mengatakan beliau merupakan mangsa satu konspirasi melibatkan sogokan, ugutan dan wang berbilion ringgit.

18-19 Feb: Hakim memerintahkan penangguhan perbicaraan selepas Anwar mengalami kesakitan akibat pembedahan gigi.

22-26 Feb: Bekas pegawai pengiring Anwar ASP Zull Aznam Harun, saksi pembela berkata Azizan memberitahu beliau yang Azizan telah dijanjikan wang untuk menuduh Anwar meliwatnya.

28 Feb: Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor mengaku memukul Anwar dalam lokap polis pada prosiding siasatan Suruhanjaya Diraja.

1-5 Mac: Bekas setiausaha sulit Anwar, Azmin Ali, berkata Azizan merayu meminta pertolongan Anwar untuk mendapatkan satu kontrak kerajaan. Azmin berkata adiknya Ummi seorang kaki bohong.

8-12 Mac: Hakim memerintahkan bahawa seorang peguam tidak boleh memberi keterangan pada perbicaraan itu. Isteri Anwar Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail memberi keterangan pada perbicaraan itu bahawa beliau telah menemui satu dokumen sulit kerajaan mengenai satu konspirasi peringkat tertinggi kerajaan terhadap Anwar.

Azmin berkata beliau telah dibogelkan semasa dalam tahanan polis dan diminta membuat pengakuan yang beliau telah diliwat Anwar. Azmin berkata Megat Junid yang menulis surat yang dihantar Ummi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendakwa Anwar terlibat dalam salahlaku seks dan Ummi diupah dengan wang kerana melibatkan diri dalam satu konspirasi.

Peguam Anwar berkata mereka tidak akan memanggil Dr Mahathir atau Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin sebagai saksi.

15-19 Mac: Pembelaan berkata mereka menutup kes selepas Hakim menolak permintaan mereka memanggil 10 lagi saksi. Anwar memfailkan usul, yang disokong dengan satu affidavit meminta supaya Paul melucutkan kelayakannya daripada membicarakan kes rasuahnya atas alasan hakim dikhuatiri tidak mengadili perbicaraan secara adil.

23 Mac: Peguam bela enggan mengemukakan penghujahan sementara menunggu permohonan itu didengar dan hakim memberikan amaran mereka boleh dikenakan tindakan menghina mahkamah atas tindakan itu. Beliau secara-tiba-tiba menamatkan perbicaraan selepas pembelaan masih enggan mengemukakan penghujahan. Paul menetapkan 6 April untuk menyampaikan keputusan.

27 Mac: Paul mengetepikan permohonan Anwar supaya melucutkan kelayakannya daripada membicarakan kes rasuah Anwar, kerana Paul mendapati ia salah dari segi undang-undang.

29 Mac-1 April: Pembelaan meminta Hakim membebaskan Anwar sementara pendakwaan berkata saksi-saksi pembelaan gagal menyokong keterangan Anwar dan keterangannya telah memperkukuhkan kes mereka.

Perbicaraan berakhir dan Hakim menangguhkan keputusan sehingga hari ini.

-- BERNAMA  
NHD SBB RON